




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 29 MAC 2018**




## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN, NO.10, HINGGA NO.63 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



SOALAN NO: 10

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING  
KAWASAN : SERDANG  
TARIKH : 29 MAC 2018, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB DR. ONG KIAN MING** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah tol yang dikutip pada 2016 dan 2017 di Seri Kembangan (keluar dan masuk), Lebuhraya MEX.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol bagi Plaza Tol Seri Kembangan, Lebuhraya KL-Putrajaya (MEX) bagi tahun 2016 adalah RM 16,399,419.30. Manakala jumlah kutipan tol belum diaudit bagi tahun 2017 adalah RM 19,861,508.05.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 11

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 29.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor dan kriteria menentukan keutamaan projek-projek pembaikan dan naik taraf kemudahan sekolah khususnya kemudahan asas sekolah seperti pintu bilik darjah, jalan, pagar dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembaikan atau penyelenggaraan sekolah-sekolah yang disalurkan adalah berdasarkan syor daripada Jabatan Pendidikan Negeri dengan memberi keutamaan kepada kerosakan yang mengganggu keselamatan, keselesaan dan proses pembelajaran dan pengajaran.

RJM84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]**  
**TARIKH : 29 Mac 2018**  
**SOALAN : 12**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik obesiti dalam kalangan kanak-kanak di negara ini dan menjelaskan punca-puncanya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) menunjukkan prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak berumur kurang dari 5 tahun adalah 6.4% pada tahun 2016 berdasarkan persampelan. Prevalen tertinggi adalah di Pahang (9.2%), diikuti Terengganu (8.3%) dan Kelantan (8.1%). Tiga (3) negeri yang mempunyai prevalen terendah adalah WP Kuala Lumpur (3.7%), Sabah (4.0%) dan WP Putrajaya (4.5%).

Terbaharu, data preliminari Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2017 menunjukkan bahawa prevalen obesiti kanak-kanak berumur 10 hingga 17 tahun adalah 14.8%.

5

Prevalen tertinggi adalah di negeri Perlis (17.5%), diikuti oleh Melaka (17.2%) dan WP Labuan (16.7%). Tiga (3) negeri dengan prevalen yang terendah adalah Sabah (9.9%), Kelantan (11.4%) dan Terengganu (12.1%).

Untuk makluman YB Pasir Mas, punca utama obesiti adalah disebabkan ketidakseimbangan pengambilan dan penggunaan tenaga harian. Punca secara langsung kepada ketidakseimbangan tenaga ini adalah akibat daripada cara hidup yang tidak sihat seperti kurang melakukan aktiviti fizikal serta pengambilan makanan yang tinggi kalori, lemak dan gula. Di samping itu, persekitaran tidak menyokong cara hidup sihat seperti kurang pilihan makanan yang sihat dan kemudahan untuk melakukan aktiviti fizikal serta corak pengambilan makanan keluarga merupakan penyebab tidak langsung kepada masalah obesiti.

Selain itu, tabiat pengambilan makanan bergoreng serta minuman bergula termasuk minuman berkarbonat yang kerap boleh meningkatkan risiko seseorang itu menjadi obes. Ini kerana kalori yang tidak digunakan akan kekal menjadi lemak di dalam tubuh. Amalan tabiat makan lewat malam juga berkait rapat dengan pengumpulan lemak dalam tubuh kerana kalori berlebihan yang diambil pada waktu malam tidak digunakan oleh tubuh.